

Mangsa trauma, tertekan dengar deringan telefon

ALOR SETAR - Individu yang gemar membuat panggilan palsu dengan niat mahu mempermainkan orang lain diminta segera menghentikan perbuatan itu kerana boleh mendatangkan ancaman ketakutan kepada mangsa.

Pengarah Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi, Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Dr Abu Bakar Abdullah berkata, tindakan berkenaan juga menyebabkan mangsa tertekan sepanjang masa kerana terpaksa melayan panggilan yang disangka ingin memberi maklumat atau bantuan.

Menurutnya, keadaan menjadi bertambah serius apabila mangsa mungkin trauma mendengar bunyi panggilan telefon akibat sering kali diganggu.

"Jika jarang sekali diganggu mungkin tidak terlalu ketara tetapi apabila nombor yang tidak dikenali berulang kali menghubungi mangsa, lambat laun boleh mendatangkan ancaman kepada dirinya.

"Pada peringkat awal, mangsa mungkin menyangka orang yang mahu meng-



DR ABU BAKAR

hubunginya itu mahu memberikan maklumat tetapi apabila kerap kali ditipu, lama-kelamaan mangsa sendiri sukar mempercayai maklumat sebenar," katanya.

Abu Bakar berkata, golongan yang suka mengganggu hidup orang lain itu sepatutnya lebih prihatin dengan keadaan dan nasib mereka yang dilanda ujian hidup sama ada kesusahan, kehilangan ahli keluarga atau sebagainya.

"Penerima panggilan telefon juga perlu lebih rasional sewaktu menjawab panggilan daripada mana-mana pihak, jangan mudah percaya secara melulu sebaliknya siasat dulu latar belakang yang membuat panggilan berkenaan," katanya.

kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu katanya, pemanggil yang suka berbuat demikian sebenarnya menghadapi masalah personaliti suka menarik perhatian orang lain dengan cara salah.

"Dia tidak gemar berseorangan sebaliknya mahu mencari rakan berbual. Pada peringkat awal mungkin seronok kerana boleh berborak dengan orang tidak dikenali tetapi lama-kelamaan mula membuat ancaman menghubungi mangsa tanpa mengira masa dengan lebih kerap.

"Paling membimbangkan ancaman itu turut didorong dengan perasaan mahu membalas dendam kepada orang lain kerana dirinya sedang menghadapi tekanan berpanjangan," katanya.

Menurutnya, tabiat itu dibimbangi boleh mendatangkan masalah lebih kritikal dari sudut mental.

"Sebaiknya rujuk kepada bahagian kesihatan mental, psikologi atau kaunselor untuk mengenal pasti masalah dihadapi secara lebih terperinci dan mendapatkan rawatan," katanya.